



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

16 Disember 2025

KENYATAAN MEDIA PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli PAC, **Yang Berhormat Tuan Sim Tze Tzin, Ahli Parlimen Bayan Baru** atas pelantikan beliau sebagai **Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri** seperti pengumuman pelantikan anggota pentadbiran Kerajaan yang baharu oleh YAB Perdana Menteri hari ini.
2. Pelantikan ini merupakan satu pengiktirafan yang signifikan terhadap kredibiliti dan keupayaan beliau yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan profesionalisme yang cemerlang sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai Ahli PAC Parlimen ke-15.
3. PAC Parlimen menyambut baik dan menyokong penuh pelantikan ini serta yakin bahawa pengalaman luas **Yang Berhormat Tuan Sim Tze Tzin** dalam bidang pengawasan dan penelitian perbelanjaan awam, yang diperoleh melalui perkhidmatan di PAC, akan menjadi kelebihan besar dan aset berharga dalam peranan baharu beliau di **Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri**.
4. Kekosongan jawatan Ahli PAC susulan pelantikan ini akan diserahkan kepada Dewan Rakyat untuk proses pelantikan Ahli PAC baharu mengikut prosedur dan peraturan yang sedia ada.

5. PAC ingin menegaskan semula komitmen PAC untuk menjalankan mandatnya sebagai badan semak imbang Parlimen demi memperkukuh integriti dan kebertanggungjawaban kerajaan kepada rakyat, walau apa jua perubahan yang berlaku.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen